



UNIVERSITY OF CAMBRIDGE INTERNATIONAL EXAMINATIONS
International General Certificate of Secondary Education

CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

Paper 2 Reading and Directed Writing

0546/02

May/June 2011

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.

DO **NOT** WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions in **Section 1, Section 2 and Section 3.**

At the end of the examination, fasten all your work securely together.

The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

For Examiner's Use	
Section 1	
Section 2	
Section 3	
Total	

This document consists of **14** printed pages and **2** blank pages.



Bahagian 1

Latihan 1 Soalan 1–5

Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:





1 Simon suka bersenam dan berlari. Pada masa lapang dia ...

A

B

C

D



[1]





2 Leila suka makan ayam. Di restoran dia makan ...

A

B

C

D



[1]

3 Untuk mencari jalan, kita perlu lihat ...

A

peta

B

kamus

C

majalah

D

akhbar

[1]

4 Kalau Fay tidak cukup tidur, dia akan rasa ...

A gembira

B letih

C lapar

D sejuk

[1]

5 Bapa John tidak boleh dengar. Dia

A buta

B pekak

C dahaga

D muda

[1]






[Jumlah: 5 markah]

Latihan 2 Soalan 6–10

Jasin dan kawan-kawannya sedang berbincang online tentang apa mereka mahu buat semasa cuti sekolah. Setiap orang memberi pendapat mereka.

Tulis nama di samping gambar mengenai cadangan mereka:

A	Jasin:	“Saya cadangkan percutian di tepi pantai. Kita boleh berenang.”
B	Menon:	“Saya lebih suka berkhemah di dalam hutan sebab kita boleh belajar tentang tumbuhan di dalam hutan.”
C	Sudin:	“Bagaimana kalau kita gunakan masa cuti untuk mengulangkaji pelajaran?”
D	Kamalia:	“Saya fikir memancing di sungai juga bagus.”
E	Johan:	“Saya cadangkan kita naik gunung.”
F	Tan:	“Kita boleh ikut serta lumba basikal selama tiga hari.”



[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11–15

Baca catatan buku harian Atan semasa dia bekerja di sebuah sekolah rendah dan jawab soalan-soalan berikutnya:

11 Jan

Hari pertama saya bekerja di sini. Saya ingin menjadi guru pada masa depan. Saya rasa seronok dan saya ingin menolong kanak-kanak ini. Saya membaca buku cerita kepada mereka. Mereka suka tanya banyak soalan.

12 Jan

Seorang kanak-kanak bernama Faris jatuh semasa bermain. Dia menangis sebab tangannya luka. Tapi selepas saya memberi dia gula-gula, dia berhenti menangis. Faris dan kawan-kawannya terus bermain.

13 Jan

Guru-guru di sekolah ini membawa kanak-kanak ini ke taman. Saya ikut untuk menolong menjaga mereka. Kami naik bas sewa ke taman dan membawa banyak makanan. Kami makan di tepi tasik dan kanak-kanak ini bermain bola dan berlari-lari. Mereka sungguh gembira.

14 Jan

Hari ini ialah hari jadi kelapan Jason. Saya beli kek di sebuah kedai dan kawan-kawan saya meniup belon dan hias bilik untuk majlis hari jadinya. Jason dapat banyak hadiah. Dia dan kawan-kawannya menyanyi sepanjang hari.

15 Jan

Hari terakhir saya bekerja di sini. Saya berasa sedih untuk meninggalkan kanak-kanak ini sebab saya suka bermain dengan mereka dan membaca cerita kepada mereka. Saya harap saya akan dapat peluang untuk berjumpa dengan mereka sekali lagi.

Tandakan **betul** atau **salah**.


	BETUL	SALAH	
11 Pada hari pertama di sekolah itu, Atan tidak suka kanak-kanak.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
12 Faris berhenti menangis selepas dia diberi gula-gula.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
13 Atan tidak ikut kanak-kanak itu ke taman.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
14 Jason mendapat banyak hadiah pada hari jadinya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]
15 Atan rasa sedih pada hari terakhir dia di sekolah itu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 4 Soalan 16

16 Anda dan ibu-bapa anda melawat taman haiwan. Anda menghantar poskad kepada kawan anda untuk menceritakan pengalaman anda di sana. Tulis kepadanya berpandukan gambar-gambar di bawah ini:


(a) Apakah haiwan yang anda lihat?



(b) Apakah yang anda buat?



(c) Bagaimanakah cuaca pada hari itu?



[Jumlah: 5 markah]

Bahagian 2**Latihan 1 Soalan 17–24**

Berikut ialah sebuah laporan mengenai tabiat membaca di kalangan remaja. Baca dan jawab soalan-soalan berikutnya:

REMAJA DAN INTERNET

Dengan adanya internet, komputer dan permainan elektronik, kebimbangan ibu-bapa ialah anak-anak mereka kurang membaca. Remaja lebih suka duduk depan komputer daripada membaca buku. Walaubagaimanapun, ramai remaja yang berkata bahawa mereka suka membaca apa yang terdapat di internet.

Mereka melayari internet untuk membaca berita. Ini bermakna mereka tidak perlu keluar untuk membeli surat khabar atau majalah sebab mereka boleh mendapat akhbar dan majalah di internet. Mereka boleh mendapat berita dan rencana terkini. Mereka juga boleh memberi pendapat mereka dengan meninggalkan komen.

Melalui internet juga mereka boleh membaca cerita. Cerita-cerita ini terdapat dalam pelbagai bentuk: ramai orang kini menulis mengenai perasaan dan pengalaman mereka dalam blog. Semua orang boleh membaca dan memberi pendapat mereka. Kebanyakannya adalah cerita mengenai pengalaman bersama yang dilalui oleh semua remaja.

Apapun, pembaca terutama sekali remaja mesti pandai memilih apa yang berfaedah dan apa yang tidak berfaedah bagi mereka.

Membaca melalui internet ini boleh membantu seseorang itu untuk menulis. Ramai orang menjadi penulis walaupun mereka tidak ada latihan sebagai penulis.

Satu lagi kebimbangan ibu-bapa ialah remaja mungkin menghabiskan terlalu banyak masa dengan internet. Oleh kerana ada terlalu banyak yang boleh dibaca di internet, mereka mestilah kuat dengan disiplin supaya mereka tidak lalai dan membuang masa. Bahayanya ialah mereka mungkin akan terlupa pelajaran mereka.

Dengan perkembangan dalam bidang teknologi, ada baik dan ada buruknya. Jadi kita mestilah pandai menggunakannya.

17 Apakah kebimbangan ibu-bapa sekarang ini dan mengapa?

(i) [1]

(ii) [1]

18 Apakah yang boleh dibaca di internet?

(i) [1]

(ii) [1]

19 Bagaimanakah pembaca boleh ikut serta dalam apa yang mereka baca di internet?

..... [1]

20 Mengapakah remaja suka membaca blog?

..... [1]

21 Apakah yang pembaca harus tahu apabila membaca di internet?

..... [1]

22 Membaca di internet boleh membantu apa?

..... [1]

23 Mengapakah pembaca mesti ada disiplin semasa membaca di internet?

..... [1]

24 Apakah bahaya mengguna internet?

..... [1]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 25

25 Tulis mengenai orang yang anda kagumi (misalnya penyanyi, ahli sukan, tokoh politik).

- Siapakah orang ini dan ceritakan mengenai kejayaannya?
- Mengapakah anda mengaguminya? Beri dua sifat yang dimiliki oleh orang ini yang membuat anda mengaguminya.
- Apakah yang anda akan lakukan untuk mencontohi orang ini?

Panjang karangan tidak melebihi 100 perkataan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[Jumlah: 15 markah]

BLANK PAGE

PLEASE TURN OVER FOR SECTION 3.

Bahagian 3

Latihan 1 Soalan 26–30

Baca perbualan Anna, seorang pelajar Sekolah Menengah Bandar Baru, dengan Kassim, seorang pemberita majalah sekolahnya. Jawab soalan-soalan berikutnya dengan memilih jawapan yang betul.

Kassim Dua hari lagi, Anna akan pulang ke Itali. Bagaimana perasaan Anna sekarang?

Anna Ada perasaan sedih, ada perasaan gembira. Tentu sekali saya berasa sedih untuk meninggalkan kawan-kawan saya di sini. Mereka telah banyak mengajar saya mengenai kehidupan di sini, mengenai budaya Melayu dan bahasanya. Tapi pada masa yang sama saya rindu keluarga saya dan kawan-kawan sekolah saya juga.

Kassim Apakah yang Anna telah pelajari semasa berada di sini?

Anna Saya melihat masyarakat berbilang bangsa dapat hidup bersama. Saya juga kagum ada banyak perkahwinan campuran. Masyarakat di sini saling menghormati budaya dan agama masing-masing.

Kassim Apa yang Anna tahu mengenai Malaysia sebelum datang ke sini?

Anna Saya cuma baca di dalam internet mengenai tempat-tempat menarik untuk dilawati sebagai pelancong. Di perpustakaan saya, tidak ada buku mengenai Malaysia. Ibu-bapa saya bimbang dan kawan-kawan saya hairan kerana saya akan pergi begitu jauh. Tapi sekarang saya telah banyak belajar dari pengalaman berada di sini, tinggal dan bergaul dengan masyarakat tempatan.

Kassim Ya, saya setuju. Jadi, anda rasa menerusi pergaulan dengan masyarakat tempatan, kita boleh belajar dengan lebih mendalam lagi tentang sesebuah masyarakat itu.

Anna Betul. Saya juga pernah tinggal dengan sebuah keluarga Melayu di sebuah kampung nelayan, jauh dari bandar. Saya menjaga anak-anak mereka dan dapat belajar bahasa Melayu dalam masa dua bulan sahaja.

Kassim Adakah mudah bagi anda belajar bahasa Melayu?

Anna Saya dapati ramai orang di sini ingin bercakap bahasa Inggeris dengan saya, tapi saya terus cuba bercakap bahasa Melayu sebab saya ingin belajar. Lama-lama saya berjaya membuat semua kawan-kawan saya bercakap bahasa Melayu dengan saya. Saya akan ingat pengalaman saya di sini selama-lamanya.

26 Bagaimanakah perasaan Anna selepas tamat rancangan pertukaran itu?

A Perasaan gembira dia akan makan makanan Itali.

B Perasaan gembira bercampur sedih kerana hendak pulang.

C Perasaan sedih kerana meninggalkan sekolahnya di Itali.

D Perasaan seronok kerana dapat naik kapal terbang.

[2]

27 Apakah yang Anna dapati mengagumkan mengenai Malaysia?

A Ada banyak perkahwinan antara kaum.

B Masyarakat hidup berasingan.

C Agama tidak penting dalam masyarakat.

D Pemandangan indah di kawasan desa.

[2]

28 Bagaimanakah Anna tahu mengenai Malaysia sebelum datang ke negara itu?

A Membaca akhbar dan buku.

B Membaca risalah.

C Melayari internet.

D Bercakap dengan ibu-bapanya.

[2]

29 Apakah yang Anna pelajari semasa tinggal di kampung itu?

A Bagaimana menangkap ikan.

B Bagaimana bercakap bahasa Melayu.

C Bagaimana bergaul dengan orang kampung.

D Bagaimana menjaga kanak-kanak kecil.

[2]

30 Kawan-kawan Anna di Malaysia ...

A ingin Anna mengajar mereka bahasa Inggeris.

B ingin bercakap bahasa Inggeris dengannya.

C ingin mengajar bahasa Melayu kepadanya.

D ingin Anna belajar bahasa Melayu.

[2]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 31–39

Abdul Aziz dan keluarganya bercuti di sebuah pulau. Mereka tinggal di sebuah rumah percutian. Rumah percutian itu tidak seperti yang dijanjikan dalam iklan. Baca surat Abdul Aziz dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Kepada: Pengurus Rumah Percutian Indura,
Pulau Aman

Saya dan keluarga saya baru balik dari percutian di Pulau Aman. Saya terbaca iklan mengenai rumah percutian ini di akhbar dan terus menempah dua bilik untuk seminggu. Saya tertarik dengan kemudahan yang ditawarkan seperti kolam renang, pusat permainan untuk kanak-kanak dengan perkhidmatan jagaan kanak-kanak oleh pengasuh terlatih, dapur di mana kami boleh masak dan juga hiburan pada waktu malam.

Walaupun bagaimanapun, apabila kami tiba di rumah percutian itu pada waktu malam, kami dapati bahawa lampu di sebuah bilik tidak boleh dipasang. Jadi, bilik anak-anak saya gelap. Pada keesokannya, walaupun saya melaporkan perkara ini kepada penjaga rumah percutian ini, tidak ada siapa yang datang untuk memperbaiki lampu itu dan saya terpaksa melakukannya sendiri.

Mengenai penjagaan kanak-kanak di pusat permainan, saya begitu kecewa sekali kerana anak-anak kembar saya yang berumur lima tahun tidak dijaga dengan betul. Mereka dibiarkan bermain sendiri dan seorang daripadanya jatuh dan luka di kakinya.

Selain daripada itu, saya dapati dapur di rumah percutian itu tidak bersih. Jadi kami terpaksa makan di luar pada malam pertama dan kedua sementara menunggu orang datang mencuci dapur.

Saya sungguh kecewa dengan pengalaman percutian ini. Saya meminta daripada pihak tuan ganti rugi bagi cuti kami yang tidak seperti yang kami harapkan.

Saya menunggu jawapan tuan.

Terima kasih,

Abdul Aziz

Jawab soalan-soalan ini:

- 31** Mengapakah Abdul Aziz menempah rumah percutian di Pulau Aman?
..... [1]
- 32** Apakah yang ditawarkan dalam iklan mengenai rumah percutian itu? (Beri dua contoh)
- (i)** [1]
- (ii)** [1]
- 33** Apakah masalah yang dialami oleh keluarga Abdul Aziz pada malam pertama?
..... [1]
- 34** Akhirnya siapakah yang menyelesaikan masalah itu?
..... [1]
- 35** Pada pendapat Abdul Aziz, mengapakah anaknya jatuh?
..... [1]
- 36** Mengapakah mereka terpaksa makan di luar?
..... [1]
- 37** Bagaimanakah perasaan Abdul Aziz mengenai pengalaman mereka di rumah percutian itu?
..... [1]
- 38** Apakah yang Abdul Aziz mahu daripada pihak pengurusan rumah percutian?
..... [1]
- 39** Mengapakah Abdul Aziz membuat permintaan ini?
..... [1]

[Jumlah: 10 markah]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

University of Cambridge International Examinations is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is itself a department of the University of Cambridge.